



## Pensyarah FKKSA menang Anugerah TESLA IBC Cambridge bagi penerbitan biografi

Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Abdurhaman Hamid Nour menerima Anugerah TESLA dari International Biographical Centre (IBC) di Cambridge, United Kingdom pada 19 Ogos 2015 yang lalu.

Profesor Dr. Abdurhaman dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dipilih menerima anugerah antarabangsa ini bagi kategori Komunikasi dalam bidang Pengeluaran Minyak dan Gas hasil penulisan penyelidikan beliau bertajuk *'Water and Alternative Energy and Pollutant Control'*.

Menurutnya, pihak IBC yang telah ditubuhkan pada tahun 1969 merupakan peneraju terhadap penerbitan buku rujukan biografi. Pusat ini mempunyai koleksi biografi hampir dua juta individu dari seluruh dunia yang telah memberikan sumbangan besar terhadap bidang kepakaran mereka termasuk dalam bidang pendidikan, sains, kejuruteraan, perniagaan, kesihatan, dan lain-lain.

Beliau yang sebelum ini pernah menerima anugerah Doktor Kehormat Persuratan dari IBC berkata, penganugerahan ini hanya diberikan selepas penilaian menyeluruh dibuat terhadap kelayakan calon oleh ahli-ahli Lembaga Penyelidikan dan Penasihat IBC ke atas mana-mana individu yang terpilih dari seluruh dunia bagi mengiktiraf sumbangan kepakaran mereka.

"Biografi di IBC ini mampu menyumbang kepada pembelajaran dan juga sebagai sumber rujukan kepada pihak lain luar negara," katanya. Ini termasuklah hasil penyelidikan dalam pelbagai penerbitan yang disiarkan seperti *Who's Who*, termasuk juga penerbitan 2000 Intelektual Cemerlang Abad ke-21 dan Kamus Biografi Antarabangsa yang kini dalam cetakan bagi edisi ke-36.